

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

RME 457 - Pengurusan Tapakbina

Tarikh: 11 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3.jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. "Walau bagaimanapun, sebagai langkah terakhir, pembangunan ekonomi sesuatu projek itu bergantung hampir kesemuanya kepada kecekapan organisasi di tapakbina dan mutu kerjanya pula kepada keberkesanan penyeliaan di tapakbina." - Broughton, H.F. - "Economic Site Organisation and Building Supervision E. & F.N. Spon. 1965, pp. 135.
Bincangkan. (25 markah)

2. Bincangkan mengenai prinsip-prinsip am pengurusan didalam konteks pembinaan. Berikan contoh sesuatu projek didalam penjelasan anda.
(25 markah)

3. Sediakan suatu laporan rasmi kepada majikan anda dengan menjelaskan dengan terperinci mengenai faktor-faktor yang berkaitan dengan susunatur serta pentadbiran di tapakbina. Andaikan firma anda diberi suatu projek yang mempunyai butiran ringkas seperti berikut:-
 - (a) Jenis:- Pejabat dan Ruang-niaga.
 - (b) Tinggi:- 26 Tingkat (4 tingkat 'podium' dan 22 tingkat 'tower')
 - (c) Tempat:- Di tengah pusat bandar dan dikelilingi oleh Jalanraya-Jalanraya.
(25 markah)

4. 'Keselamatan (Safety) dan Pengawasan (Security) di tapakbina harus diberi perhatian yang wajar untuk memastikan pengendalian projek yang berkesan.'

Bincangkan ulasan di atas dengan memberi contoh terhadap suatu projek perumahan dan nyatakan juga langkah-langkah serta dasar-dasar yang harus diperbincangkan.

(25 markah)

5. Jelaskan mengenai faktor-faktor kawalan di tapakbina yang berkaitan dengan aspek-aspek keputusan dan tahap tanggungjawab tapakbina. Nyatakan falsafah disebalik teori yang diajukan oleh Profesor Emeritus Denis R. Harper.

(25 markah)

6. Bincangkan dengan ringkas mengenai DUA di antara perkara-perkara di bawah:-.

- (a) Penyimpanan di tapakbina
- (b) Insuran Pembinaan
- (c) Perlantikan Jemaah Pemeriksa Tapakbina
- (d) Kaedah Kawalan Tapak Moden

(25 markah)

-ooo00ooo-